



NOTIS MAKLUMAN

TUNTUTAN LEBIHAN BAKI PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA

Lebihan pembayaran balik pembiayaan perumahan LPPSA yang tidak dituntut oleh pelanggan atau waris dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penyelesaian pembiayaan adalah tertakluk kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 dan akan diserahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

Sehubungan itu, satu Notis Makluman Lebihan Baki Pinjaman/ Pembiayaan bertarikh 1 Januari 2024 telah dikeluarkan kepada pelanggan LPPSA atau waris berkenaan. Pelanggan atau waris hendaklah mengemukakan borang permohonan tuntutan lebihan bayaran dan pemulangan dokumen hakmilik yang dilampirkan beserta dokumen sokongan pada atau sebelum 22 Februari 2024.

Borang permohonan tuntutan lebihan bayaran dan pemulangan dokumen hakmilik juga boleh dimuat turun [di sini](#) dan borang tersebut boleh dikemukakan beserta dengan lampiran dokumen sokongan yang lengkap melalui [Portal eTiket](#).

Pelanggan atau waris yang mengemukakan borang ke LPPSA **selepas tarikh tutup 22 Februari 2024** boleh membuat tuntutan lebihan bayaran balik terus kepada Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut, Jabatan Akauntan Negara. Walau bagaimanapun, LPPSA dimaklumkan urusan tuntutan **HANYA** dapat dilaksanakan di Pejabat Pendaftar Wang Tak Dituntut **bermula 1 Jun 2024**.

Sebarang pertanyaan lanjut, pelanggan boleh menggunakan e-Kaunter, Live Chat melalui aplikasi LiA Chatbot di laman sesawang LPPSA, Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/> atau menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600.

31 JANUARI 2024